

PVTM kesal pembangkang heret tentera
Utusan Online
27 April, 2012

PUTRAJAYA 26 April - Persatuan Veteran Tentera Melayu (PVTM) mahu pemimpin parti pembangkang berhenti melemparkan tuduhan-tuduhan tidak berasas serta mengheret Angkatan Tentera Malaysia (ATM) ke dalam isu politik.

Ketua Penerangannya, Mohd. Jurit Ramli turut mengingatkan Datuk Seri Mohammad Nizar Jamaluddin dan pemimpin Pas yang lain bahawa perbuatan memfitnah dan berbohong adalah dosa yang perlu dielakkan.

"Ini bukan kali pertama pemimpin pembangkang cuba mengaitkan tentera dalam isu-isu politik. Dalam propaganda pembangkang mengenai pelan peralihan kuasa 16 September umpamanya, mereka juga menjaja nama tentera.

"Tindakan Mohammad Nizar bukan sahaja menghina tentera malahan mewujudkan rasa tidak tenteram dalam kalangan rakyat apabila beliau cuba menggambarkan rampasan kuasa boleh berlaku di negara ini," katanya kepada Utusan Malaysia di sini hari ini.

Beliau mengulas gesaan Menteri Besar Perak, Datuk Seri Dr. Zambry Abd. Kadir supaya Kementerian Dalam Negeri menyiasat dan mengambil tindakan tegas ke atas Mohammad Nizar yang mendakwa kononnya Barisan Nasional (BN) mahu melakukan rampasan kuasa sekiranya kalah pada pilihan raya umum akan datang.

Mohd. Jurit berkata, kerajaan perlu mempertimbangkan keperluan mewujudkan undang-undang khusus bagi mengambil tindakan terhadap mana-mana pihak yang cuba menjaja nama tentera dalam isu-isu politik.

"Kementerian Dalam Negeri juga perlu melakukan siasatan menyeluruh terhadap Mohammad Nizar kerana mengeluarkan tuduhan serius yang mampu mengelirukan rakyat.

"Tindakan tegas perlu diambil bagi mengelakkan tentera terus diheret dan dijaja oleh pemimpin-pemimpin pembangkang untuk mencapai kepentingan politik mereka," katanya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0427&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_03.htm